

23/02/2000

Undi sulit demokratik: Rais

MELAKA, Selasa - Pengundian secara sulit bagi memilih perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno tahun ini adalah sesuatu yang demokratik, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim.

Sehubungan itu, katanya, Umno tidak perlu mengeluarkan sebarang arahan mengenai perkara itu dan terpulanglah kepada setiap bahagian sama ada mahu mempraktikkannya atau pun tidak.

"Secara peribadi, saya berpendapat pengundian secara sulit adalah benar-benar mengikut proses demokrasi dan baik untuk dipraktikkan.

"Tambahan lagi, pemilihan di peringkat Majlis Tertinggi (MT) juga dilakukan secara sulit, oleh itu terpulanglah kepada ahli Umno sama ada cara yang sama boleh dilaksanakan di bahagian masing-masing," katanya kepada pemberita ketika menghadiri majlis ramah mesra anjuran Persatuan Anak Negeri Sembilan di Melaka, di Ayer Keroh dekat sini, petang ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa Umno tidak menghalang jika mana-mana bahagian hendak mengadakan pengundian sulit bagi memilih perwakilan bahagian ke Perhimpunan Agung Umno Mei ini.

Bagaimanapun, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menegaskan, jika langkah itu hendak diseragamkan, perlu diputuskan di peringkat MT terlebih dahulu.

Menurut Rais, apa yang diperkatakan oleh Dr Mahathir adalah betul dan logik.

Beliau berkata, apa yang menjadi masalah sekarang ialah jika pengundian secara sulit hendak dilakukan, perlu diawasi sepenuhnya dan pihak yang mengawasinya pula, mestilah mereka yang tidak cenderung kepada mana-mana pihak.

Katanya, cara itu juga memerlukan peti undi, pemerhati serta polis untuk memantau proses pengundian dan sebagainya.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Rais mengingatkan masyarakat Melayu supaya tidak lupakan diri bagi mengelak daripada mengalami kehancuran.

Beliau berkata, bangsa Melayu sekarang berbeza dengan masyarakat Melayu 20 tahun lalu kerana cara berfikir dan sikap mereka sudah berubah.

"Jika kita melihat bangsa Cina, walaupun di mana juga mereka berada, termasuk di Amerika Syarikat dan India, mereka sentiasa ingat asal-usul bangsa, sekali gus membolehkan mereka menjadi satu bangsa yang berjaya.

"Bagaimanapun, apa yang lebih malang sekali ialah ada antara masyarakat Melayu yang sudah lupa diri," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan masyarakat Melayu supaya terus mengekalkan perpaduan, bukan saja dalam politik, malah juga dalam bidang kebajikan.

(END)